

Pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Di Malaysia Oleh Pelbagai Agensi

Agensi	Aktiviti	Program	Kandungan
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)	Program Peningkatan Pendapatan	Menyediakan bantuan kewangan dan khidmat pengurusan bagi melaksanakan projek-projek ekonomi, meliputi kursus persediaan/ latihan pra-pelaksanaan, peralatan dan mesin, bengkel, premis dan ruang niaga, bahan mentah serta modal pembangunan dan operasi.
		Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya	Menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi mengikuti kursus latihan kemahiran Jabatan Pembangunan Kemahiran. Bantuan meliputi yuran pengajian, tempat tinggal, makan/minum dan elaun. Kursus-kursus yang dijalankan meliputi bidang pertanian, perkhidmatan dan pembuatan.
		Program Kecemerlangan Pendidikan	Menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi kursus peningkatan akademik anak-anak kumpulan sasar.
		Program Taman Asuhan Kanak-kanak	Menyediakan kemudahan fizikal bangunan Taska dan peralatan serta bantuan kewangan dan pengurusan.

Program Makanan Tambahan Seimbang	Menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan untuk memberi makanan seimbang kepada anak-anak kumpulan sasaran (berumur bawah 12 tahun dan bersekolah).
Program ASB-Sejahtera	Menyediakan bantuan kewangan bagi perolehan saham Amanah Saham Bumiputera (ASB) bernilai RM5,000 dan kumpulan sasaran menerima dividen tahunan tanpa sebarang hak terhadap dana tersebut.
Program Pembangunan Minda Insan	Menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan maksimum RM1,500 setiap peserta bagi membolehkan kumpulan sasaran mengikuti kursus-kursus perubahan sikap, motivasi dan pembangunan insan bertulis sekiranya menyewa atau menumpang tanah milik orang lain/kerajaan. Komponen projek merangkumi membina semula/bina baru, baik pulih rumah dan membaiki kerosakan rumah kerana bencana.
Program Bantuan Rumah	Menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasaran mendiami rumah yang lebih selamat dan selesa dengan syarat mereka memiliki tanah sendiri atau mendapat kelulusan.

,sambungan

Program Pembangunan Masyarakat Setempat	Menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membangunkan kawasan penempatan kumpulan sasar secara <i>in-situ</i> atau penempatan baru dan meliputi komponen fizikal, ekonomi dan latihan.
Gerakan Desa Wawasan	Usaha bersepadu pelbagai pihak yang terlibat dengan pembangunan luar bandar menyokong inisiatif penduduk desa memperkukuh serta menggunakan segala daya-upaya untuk mengeksploitasi potensi ekonomi sedia ada dan sumber kekayaan baru sekitar mereka bagi tujuan meningkatkan kesejahteraan hidup, sehingga 2007 – melibatkan 3,917 kampung.
Pembangunan Ekonomi Desa	Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED), Program Latihan Dan Bimbingan Usahawan, Program Premis Gerai, Program Pemasaran dan Promosi, Program Pertanian Komersial dan Pelancongan Desa.
Pembangunan Tanah Dan Wilayah	Projek Agropolitan, Pusat Pertumbuhan Desa, Program Pembangunan Tanah oleh agensi seperti FELCRA Berhad, RISDA, Lembaga Industri Tabung Getah Sabah (LIGS) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA), Pembangunan Wilayah oleh agensi seperti KESEDAR, KETENGAH, KEJORA dan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA).
Pembangunan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	Mengurangkan jurang digital melalui Pembangunan Medan Info Desa, menyediakan latihan ICT kepada penduduk luar bandar dan membangunkan sistem maklumat kampung.

,sambungan

Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	Bank Pertanian Malaysia	Skim Kredit Mikro – Skim Modal Usahawan Tani
	Kemudahan Pinjaman Berjangka	Hartani-I, Pinjaman Projek, Pinjaman Jentera, Pendahuluan Khas Simpanan Tetap, Wawasan Tani (Konvensional & Bai Al-Innah) dan Pembiayaan Al-Bai Bithaman Ajil.
	Kemudahan Modal Pusingan	Kontrak Tani, Niaga Tani dan Skim Ar - Rahnu.
Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)	Tekun Tani, Tekun Jangka Pendek, Tekun Pelancongan, Tekun Ternak, Tekun Niaga, Tekun Tunas dan Tekun Rakan Niaga.
	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Skim Pembiayaan Am, Skim Pembiayaan Kontrak dan Skim Pembiayaan Khas Pembuatan dan Francais.
	Credit Guarantee Corporation (CGC)	
	Bank Pembangunan Malaysia Berhad	
Jabatan Perdana Menteri	Program Khusus Pembasmian Kemiskinan dilaksanakan dengan kerjasama kerajaan negeri dan agensi-agensi berkaitan dengan memberi fokus kepada projek peningkatan pendapatan, latihan kemahiran dan bantuan kredit.	
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	Program Pembasmian Kemiskinan Bandar yang meliputi bantuan kewangan untuk mengurangkan beban tanggungan keluarga, penyediaan peluang pekerjaan, latihan kemahiran dan aktiviti penjanaan pendapatan.	
Kementerian Pendidikan Malaysia	Menyediakan bantuan kewangan untuk meningkatkan prestasi pelajaran murid-murid miskin melalui bantuan biasiswa, kemudahan asrama, bantuan pakaian sekolah dan bantuan makanan tambahan.	
Amanah Ikhtiar Malaysia	Menyediakan kemudahan mikro kredit dan bimbingan kepada golongan miskin tegar terutamanya wanita di luar bandar.	

Sumber: Diolah daripada pelbagai kementerian